

SOALAN NO. 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH
FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 9 NOVEMBER 2016 (RABU)

SOALAN :

Dato' Abd. Aziz Bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengarahkan setiap Kementerian, agensi Kerajaan, GLC mahupun badan swasta menyediakan perkhidmatan TASKA bagi memudahkan pekerja yang mempunyai anak-anak kecil serta bagi memastikan anak mereka mendapat asuhan yang berkualiti.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Di Pertua

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat menggalakkan penubuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) di sektor awam mahupun sektor swasta bagi memberikan kemudahan pengasuhan dan penjagaan anak-anak kepada ibu bapa yang bekerja. Sehubungan itu, inisiatif Kerajaan bagi menggalakkan penubuhan TASKA di tempat kerja sektor awam dan sektor swasta adalah seperti berikut:

- (i) Mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil.6 Tahun 1989: Kebajikan Untuk Anggota-Anggota Perkhidmatan Awam menerusi Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi menggalakkan kementerian atau jabatan Kerajaan menubuhkan TASKA di tempat kerja masing-masing;

- (ii) Peruntukan geran pelancaran sebanyak RM200,000 kepada kementerian atau jabatan Kerajaan untuk menubuhkan TASKA di tempat kerja; dan
- (iii) Pemberian subsidi yuran pengasuhan TASKA sebanyak RM180 sebulan bagi setiap anak yang dihantar ke TASKA di tempat kerja sektor awam. Penjawat awam yang berpendapatan bulanan isi rumah sebanyak RM5,000 dan ke bawah layak memohon untuk mendapatkan kemudahan subsidi ini.

Selain itu, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menubuhkan TASKA 1Malaysia. Geran Penubuhan dan Geran Operasi diberikan kepada pengusaha yang layak untuk mengoperasinya. Geran Penubuhan diberi sebanyak RM55,000 (*one-off*) diberi sekali gus dan Geran Operasi diperuntukkan sehingga RM64,000 setahun tertakluk kepada maksimum 30 orang kanak-kanak yang layak menerima subsidi. Sehingga kini, terdapat 44 buah TASKA 1Malaysia yang memberi pengasuhan berkualiti kepada kanak-kanak bagi keluarga berpendapatan rendah di seluruh Malaysia.

Bagi menggalakkan pihak swasta pula, inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan bagi menggalakkan penubuhan TASKA di tempat kerja sektor swasta adalah seperti berikut:

- (i) Pengecualian cukai 10 peratus diberi kepada majikan ke atas kos keseluruhan pembinaan TASKA di Tempat Kerja Swasta bagi tempoh 10 tahun;
- (ii) Pemotongan cukai sebanyak dua kali ke atas elauan atau subsidi yang diberikan kepada pekerja dan perbelanjaan penyelenggaraan kemudahan TASKA di Tempat Kerja Swasta serta pusat jagaan kanak-kanak; dan
- (iii) Pemberian subsidi sebanyak RM250 sebulan bagi setiap anak yang dihantar ke TASKA Institusi (TASKA Swasta) yang berdaftar dengan JKM oleh ibu bapa atau penjaga yang berpendapatan per kapita isi rumah bulanan RM900 ke bawah.

Melalui usaha-usaha ini Kementerian dapat memberikan kemudahan kepada pekerja yang mempunyai anak-anak kecil serta dapat memastikan anak mereka mendapat asuhan yang berkualiti. Sehubungan itu, pihak Kementerian menggalakkan majikan daripada sektor awam dan

sektor swasta untuk meneroka peluang-peluang dan insentif yang ada untuk majikan menyediakan TASKA bagi membantu pekerja mereka dalam menguruskan hal ehwal pengasuh anak-anak sewaktu mereka keluar bekerja.